

PERPADUAN ETNIK DALAM KEPELBAGAIAN DI SABAH DARI SUDUT PANDANG PIAGAM MADINAH

ETHNIC UNITY DIVERSITY IN SABAH FROM THE VIEW OF THE CHARTER MEDINA

Suhailah Abd Muin¹,
Ahmad Tarmizi Abdul Rahman¹,
Nor-Ina Kanyo²,
Mikdar Rusdi³,
Atika Farhain Ali⁴

¹Program Pendarasan Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.

²Program Geografi, Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah

³Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan, Brunei Darussalam

⁴Pelajar Pra Siswazah, Universiti Al-Azhar, Cairo, Mesir.

* Corresponding author.

E-mail address: drsuhailah@ums.edu.my

Article history

Received date : 24-12-2020
Revised date : 25-12-2020
Accepted date : 20-9-2021
Published date : 24-9-2021

To cite this document:

Suhailah, Ahmad Tarmizi Abdul, Nor-Ina, Mikdar & Atika Farhain (2021). Perpaduan Etnik dalam Kepelbagaian di Sabah dari Sudut Pandang Piagam Madinah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 177-194.

Abstrak: Perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang agama, etnik dan ras di Negeri Sabah. Setiap masyarakat berhak mencipta perpaduan dan keharmonian bersama. Saling menghormati antara satu dengan yang lainnya tanpa mengira latar belakang agama, kepercayaan, etnik, ras suku dan bangsa. Sehubungan dengan itu, warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) dilihat mampu hidup dalam harmoni. Bekerjasama dalam menjayakan pelbagai program, penyelidikan, konvensyen, seminar dan lain-lain kejayaan diraih bersama. Persoalan yang timbul apakah faktor yang mendorong seseorang untuk terus menjaga perpaduan dan keharmonian etnik dalam kepelbagaian. Selain itu, bagaimana bentuk perpaduan di kalangan warga UMS jika ditinjau dari sudut pandang piagam Madinah. Seterusnya apakah cabaran semasa yang boleh menghalang wujudnya perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan persoalan di atas, kertas kerja ini bertujuan: i. untuk mengetahui apakah faktor yang mendorong seseorang untuk terus menjaga perpaduan. ii. untuk mengkaji bentuk perpaduan etnik dalam kepelbagaian di Universiti Malaysia Sabah dari sudut pandang piagam Madinah. iii. untuk mengenal pasti cabaran semasa yang boleh menghalang wujudnya perpaduan kaum dalam kalangan warga UMS dan langkah untuk mengatasinya. Kajian ini juga akan memfokuskan warga Universiti Malaysia Sabah UMS sahaja. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu dengan menemu bual beberapa orang ketua program, staf dan juga pensyarah. Menggunakan analisis dalil-dalil dari al-Quran dan al-Hadis sebagai sumber primer serta artikel, jurnal dan buku-buku berkaitan tajuk sebagai sumber sekunder. Hasil temu bual, kajian mendapati bahawa berlaku perpaduan sosial yang

ditakrifkan dalam bentuk interaksi amalan seharian serta dapat menerima konsep kepelbagaian jika ditinjau dinamik hubungan tersebut dari sudut pandang Piagam Madinah.

Kata Kunci: Etnik; agama; Perpaduan; Kepelbagaian; Piagam Madinah; Sabah

Abstract: *Unity among the multi-religious, ethnic and racial communities in Sabah. Every society has the right to create unity and harmony together. Respect each other regardless of religious, religious, ethnic, ethnic and racial background. In this regard, the citizens of University Malaysia Sabah (UMS) are seen to be able to live in harmony. Collaborate in the success of various programs, research, conventions, seminars and other successes achieved together. The question that arises is what factors motivate a person to continue to maintain ethnic unity and harmony in diversity. In addition, what is the form of unity among the people of UMS if viewed from the point of Medinah charter. Next, what are the current challenges that can prevent the existence of racial unity in society. Based on the above questions, this paper aims to: i. to find out what factors motivate a person to continue to maintain unity. ii. to study the form of ethnic unity in diversity at University Malaysia Sabah from the point of view of the Medinah charter. iii. to identify current challenges that could hinder the existence of racial unity among UMS citizens and measures to overcome them. This study will also focus on university Malaysia Sabah UMS staff only. This study is qualitative in nature by interviewing several program leaders, staff and lecturers. Using dalil-dalil analysis from al-Quran and al-Hadith as primary sources as well as articles, journals and books related to titles as secondary sources. As a result of the interviews, the study found that there is social unity that is defined in the form of daily practice interactions and can accept the concept of diversity if we look at the dynamics of the relationship from the point of view of the Medinah Charter.*

Keywords: Ethnicity; religion; Unity; Diversity; Medinah Charter; Sabah

Pengenalan

Dalam surah al-Ambiya 21: 107, memberikan gambaran yang jelas bahawa Islam membawa satu ajaran yang bersifat universal, menyeluruh, (rahmatan lil alamain). Iaitu konsep kesepaduan bersesuaian kewajarannya dari segi waktu, tempat dan kepada sesiapa sahaja. Ini kerana Islam menebr prinsip akhlak seperti al-Musyawaharah atau konsep mesyuarat, keadilan, tolong menolong dalam perkara yang boleh membawa munfaat kepada kesejagteraan sejagat serta saling mencegah dalam melakukan perkara mungkar iaitu seluruh perkara yang boleh menimbulkan mudharat, kerugian kerosakan, kemusnahan dan ebagiannya seperti khianat, mengingkari janji, berkata benar dan tidak mengambil hak orang lain. saling menjauhi perkara fahisyat iaitu perkara keji, seperti sumbang mahram dan seumpamnya. Perkara-perkara tersebut merupakan elemen utama yang terkandung di dalam pagam Madina dan diterapkan pelaksanaannya oleh Rasulullah SAW dalam mempersaudarakan kaum Muhajirin (orang-orang yang ikut berhijrah Bersama dengan Rasulullah S.A.W) dan kaum Ansar (Penduduk tempatan Madinah). Menyaksikan kepelbagaian yang semakin rencam dan mencabar terus mewarnai kehidupan pada hari ini perlu diurus tadbir dengan baik dan cekap. Menggunkan panduan yang jelas halatujunya serta manungi semua agar kedamaian dan keharmonian yang sedia ada khususnya dalam kalangan warga UMS, terus disemai, dipupuk, dipelihara agar terus tumbuh subur demi kesejahteraan dan manfaat bersama.

Penulisan ini akan memfokuskan kepada nilai sosial dan agama melalui sudut pandang Piagam Madinah yang mengkhususkan kepada pasal satu (1) hingga sepuluh (10). Perkara ini selari dengan konsep perpaduan dan kesepaduan di kalangan warga fakulti, program seterusnya kepada warga UMS umumnya. Meninjau hubungan antara etnik dipengaruhi oleh unsur etnik atau juga unsur-unsur yang lainnya. Kesanggupan setiap anggota atau staf untuk terus menjaga perpaduan dalam kepelbagaian berdasarkan kesedaran tinggi yang lahir dari hati nurani dan atas dasar tanggungjawab bersama.

Meneliti hubungan, amalan dan peranan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum suku, agama dan etnik. Etnik bermaksud sekelompok manusia yang mengamalkan budaya dan adat resam yang hampir seragam. Ini termasuk amalan agama, kepercayaan, adat berpakaian, bahasa, kegiatan ekonomi dan sebagainya. (Kamus Dewan Edisi Ke-Empat). Etnik berkait rapat dengan ras dan bangsa iaitu memberikan penekanan kepada perbezaan fizikal dan sifat-sifat biologi (keturunan dan pertalian darah yang sama) yang sebenarnya berasal dari satu moyang yang sama. Hidup dalam kepelbagaian adalah realiti yang diakui oleh Islam. Sebab itu Islam adalah milik semua kaum, bangsa, etnik dan ras. Ia adalah ketentuan Allah SWT. (*al-muyassar*) atau sunnatullah yang mesti diuruskan dengan bijaksana supaya menjadi pemangkin kekuatan dalam membangunkan negara bangsa seterusnya membangun manusia melalui kesepaduan dan keharmonian. Ini jelas digambarkan dalam Q.S al-Hujurat 49: 13. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya:

Hai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

QS: Al-Hujurat 49:13

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menciptakan pelbagai bangsa dan suku kaum, etnik dan ras bukan untuk berpuak-puak (*asabiyyah*), berbangga dan menganggap hanya suku sakatnya sahaja yang mulia sementara kaum atau suku lain, semuanya adalah lemah, kekurangan dan tidak ada kelayakan. Sebaliknya penciptaan manusia dalam kepelbagaian adalah bertujuan untuk manusia saling kenal mengenali antara satu dengan yang lainnya, saling tolong menolong, saling menghormati demi menjaga kepentingan bersama. kepelbagaian di dalam Islam merupakan suatu rahmat seperti mana yang dianjurkan dalam piagam Madina.

Piagam Madinah sebagai momentum pemikiran moden yang pertama direkodkan sebagai undang-undang dasar atau konstitusi (*Constitution: Law Determining The Fundamental Political Principles of A Government*) wujud ditegah kegelapan Eropah. Konstitusi atau hukum yang menetapkan prinsip-prinsip politik fundamental dari sebuah pemerintahan, ketatanegaraan atau dustur yang menentukan bentuk dasar kenegaraan, mengatur sistem pemerintahan, pengagihan kuasa, peraturan dalam institusi, “kanun” ketetapan dan peraturan yang dibuat oleh pemerintah dalam mengatur hubungan sosial masyarakat. Usaha berterusan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk suatu identiti (Samsu 2001, 2003) dan nilai kebersamaan dalam melahirkan kesedaran, semangat cintakan agama, tanah air dan sanggup berkorban serta sentiasa mengutamakan

sikap toleransi terutama dalam hal kepentingan umum, berinteraksi, muamalah antara sesama masyarakat yang akhirnya dapat membentuk sebuah masyarakat bersatu padu di suatu bandar moden yang disebut sebagai Madinah (Pasal 2). Pembinaan komuniti baru yang disebut sebagai kesatuan ummah dapat dilihat melalui Piagam Madinah Pasal: 26-35, 37, 44-47.

Melihat keadaan awal di Madinah ketika itu, golongan Aus dan Khazraj yang merupakan masyarakat peribumi (awal datang ke kawasan tersebut/sebab sebelum itu, kawasan tersebut tidak di diami oleh sesiapa @ tidak berpenghuni). Mereka sering berperang antara satu sama lain semenjak ratus tahun kerana memperjuangkan kepentingan dan keperluan atas dasar etnik dan kesukuan akhirnya lahirlah hukum rimba, sesiapa yang kuat dia menang dan sesiapa yang lemah pasti ditindas. (Mat saat Abdu Rahman 1995). Peristiwa seumpama ini membuktikan bahawa pentingnya nilai perpaduan dalam apa jua keadaan, di mana sahaja dan kepada sesiapa sahaja. Dengan sebab itu, perpaduan yang terus dipelihara khususnya warga UMS, dalam kepelbagaian etnik, ras, agama, suku dan pelbagai asal-usul dalam pelbagai bentuk klasifikasi berdasarkan ciri budaya, pola keluarga, orientasi politik, kegiatan ekonomi, pekerjaan dan sebagainya.

Malaysia memiliki masyarakat majmuk. Terdapat tiga ras dan bangsa utama iaitu, Melayu, India dan Cina. Dalam konteks negeri Sabah, terdapat beberapa lagi pecahan suku kaum antaranya Bajau, Suluk, Bugis, Jawa, Murut, Dusun, Kadazan, Iban, Dayak dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, konsep etnik biasanya membentuk konsep *ethnicity* dan etnosentrisme. *Ethnicity* merujuk kepada rasa kekitaan sesuatu kumpulan etnik tertentu. Hal ini bererti wujudnya satu kebudayaan atau sub budaya yang jelas yang menyatukan anggotanya dengan satu sejarah, nilai, sikap dan tingkah laku yang sama. Etnosentrisme pula merujuk kepada kepercayaan atau rasa bangsa yang wujud dalam kalangan anggota sesebuah kelompok etnik bahawa budaya dan *ethnicity* mereka adalah jauh lebih baik dan hebat daripada kelompok etnik lainnya. Etnosentrisme juga membawa makna suatu perspektif yang melihat kelompok etnik lain menerusi lensa kaca mata etnik sendiri. (berat sebelah/hidup dalam kepuakan). John T. Omohundro: 2008.

Sehubungan dengan itu, kaum Ad dan Thamud, mereka juga beranggapan bahawa kaumnya lah yang paling unggul di dunia ini tidak dengan yang lain. Kaum Ad adalah kaum Nabi Hud (Eber/Heber). Thamud ialah kaum Nabi Saleh (Shelah/Shelah, penduduk Madyan ialah kaum Nabi Syuaib (Jethro/Yitro), dan penduduk negeri yang telah musnah adalah kaum Nabi Luth as. (Lot/Lot) *Kaum 'Ad telah mendustakan perintah agama dan memerangi rasul-rasul yang diutus, maka alangkah dahsyatnya azab-Ku dan ancaman-ancaman-Ku.*" (QS: Al-Qamar 54: 18); *Jika mereka berpaling maka katakanlah: "Aku telah memperingatkan kamu dengan petir, seperti petir yang menimpa kaum 'Ad dan Thsamud."* (QS: Fushilat 41:13); *Dan bahawasanya Dia (Allah SWT) telah membinasakan kaum 'Aad yang pertama,* (QS: Al-Najam 53: 50). "Dan kaum Ad, kaum Firaun dan kaum Luth." (QS: Qaf 50: 13). Rentetan sejarah ini menunjukkan bahawa Allah SWT menjadikan manusia dalam bentuk kepelbagaian. Oleh itu perpecahan tidak sepatutnya berlaku jika masing-masing mengamalkan nilai-nilai universal iaitu dapat menerima perbezaan sosial kerana ia merupakan fitrah kejadian manusia. Oleh yang demikian, keharmonian sosial memainkan peranan penting bagi mencapai kestabilan sosial budaya, politik, ekonomi dan kemakmuran dalam sesebuah institusi, negeri dan negara. Menurut Islam, kepelbagaian etnik, ras, suku dan bangsa tidak boleh menjadi alasan untuk menafikan hak dan tidak berlaku adil terhadap etnik lain. Syariat Islam iaitu firman Allah SWT. yang bermaksud: *Sembahlah Allah dan janganlah*

kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu-bapa, karib-kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, dan teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahaya mu. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong dan membangga-banggakan diri. (QS: Al-Nisa 4: 36)

Ummah iaitu masyarakat yang terdiri dari pelbagai etnik atau suku kaum yang berbentuk kumpulan, individu, kecil atau besar yang diikat oleh satu kesatuan adat, ritual, agama, hukum dan peraturan tertentu dalam kehidupan bermasyarakat. Terdapat beberapa istilah kata yang digunakan di dalam al-Quran yang membawa arti kepada etnik atau ummah dan juga kumpulan manusia. Antara lain: قوم، امة، شعوب، وقبائل. Di samping itu al-Quran juga memperkenalkan ummah dengan sifat-sifat tertentu, seperti المستضعفون، الأملاء، المستكبرون (jenis-jenis rakyat yang membentuk ummah: masyarakat, bangsa, kaum, suku/etnik, ras, ada yang lemah, ada yang takabbur, ada yang menjadi pemimpin) dan lain-lain. Manusia adalah makhluk sosial yang disebut dalam wahyu pertama telah menjelaskan bahawa menciptakan manusia dari segumpal darah atau sesuatu yang melekat dan tergantung di dinding rahim dapat difahami bahawa kehidupan manusia mestilah saling kebergantungan dalam semua hal. Pengertian kata *dhuafa* dan *mustadh'afin* seperti firman Allah pada surat An-nisa ayat 4:9 yang bermaksud: *Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang benar.* Ayat lain yang merujuk kepada kata *mustadh'afin* iaitu firman Allah SWT. bermaksud: *Mengapa kamu tidak mahu berperang di jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah baik laki-laki, wanita-wanita mahupun anak-anak yang semuanya berdoa: "Ya Tuhan kami, keluarkan lah kami dari negeri ini (Makkah) yang zalim penduduknya dan berilah kami pelindung dari sisi Engkau, dan berilah kami penolong dari sisi Engkau!"*(QS: al-Nisa 4: 75).

Hal ini sebagaimana firman Allah SWT dijelaskan dalam Q.S: al-Mumtahanah 60: 8 yang bermaksud: *Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.* Menurut Hamka (1985f: 105), ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT tidak melarang umat Islam berbuat baik, bergaul, adil, jujur terhadap golongan lain sama ada Yahudi, musyrik atau Nasrani. Hal ini selagi mereka tidak memerangi, menindas, mengusir umat Islam dari kampung halaman. Oleh kerana itu, kehidupan dan keharmonian yang wujud hendaknya bersesuaian dengan penerapan etika dan norma kehidupan. Sehubungan dengan itu, Rasulullah SAW melalui penghijrahannya dari Makkah ke Yathrib (Madinah) sebagai momentum pembentukan kecemerlangan masyarakat pelbagai kaum (Abdul Munir Yaakub 1986) dalam menerima konsep kepelbagaian *unity in diversity*. Rasulullah SAW. telah berhasil membina jalinan persaudaraan, hormat-menghormati (Aizat Khairi, 2011) serta tolong-menolong, sikap toleransi antara kaum muhajirin sebagai pendatang dari kota Makkah dan kaum Ansar penduduk asal Yathrib. Sosial masyarakat ketika itu berada pada tahap sebuah masyarakat yang kritis, dinamis dan harmonis berpaksikan petunjuk dari wahyu Ilahi dalam membina peradaban ummah serta perpaduan unggul.

Faktor Perpaduan Dalam Kalangan Warga Universiti Malaysia Sabah (UMS)

a) Peranan Aktiviti Universiti

Ditinjau dari segi bilangan majoriti warga Universiti Malaysia Sabah, majoritinya adalah beragama Islam tetapi masih tetap memperlihatkan sikap toleransi, perpaduan dan sikap hormat menghormati, mengamalkan sikap tolong menolong antara satu dengan yang lainnya baik dalam menjayakan program-program berkala peringkat universiti, fakulti mahupun diperingkat program. Konsep kesepaduan ini membuktikan bahawa konsep Islam itu sendiri adalah konsep perpaduan tanpa sempadan.

Oleh itu, institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta diperingkat negeri dan negara bangsa amat mustahil mencapai kemajuan tanpa ada sokongan dan kerjasama dari semua pihak. Keamanan, keselamatan, kecemerlangan dan keharmonian warganya dapat dilihat dan diraih dengan adanya kesepaduan dan kerjasama yang erat. Penganjuran program-program diperingkat universiti, fakulti, program dan juga aktiviti pelajar yang lebih bersifat menuntun kerjasama interaksi, kesefahaman dan kesepaduan dalam kalangan warga. Ke kerapannya penganjuran program memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan dan hubungan yang baik antara sesama warga dari pelbagai kaum dan agama. Penduduk Sabah yang sememangnya dikenali oleh ramai bahawa negeri di Borneo mempunyai penduduk yang berbilang agama, etnik, ras, suku kaum, adat resam dan budaya namun tetap memiliki sikap toleransi yang tinggi. Ini selaras dengan pandangan pengkaji lepas dalam artikel yang bertajuk: Hubungan Kaum di Sabah: Pemerhatian Awal (2020). Merujuk kepada kejadian-kejadian yang tidak diinginkan seperti pergaduhan dan rusuhan antara kaum di kalangan warga boleh dikatakan bahawa tidak didapati secara serius yang boleh membawa kepada konflik besar ini menunjukkan hubungan kaum, etnik di kalangan warga UMS, sememangnya baik dan kekal harmoni. Ini dapat dilihat sebagai satu gambaran yang jelas bahawa hubungan kaum atau etnik di Sabah adalah terjalin indah dan mesra (Anto & Saidatul 2020). Selain itu, semangat perkauman yang agak rendah dan tidak menjejaskan kepada timbulnya perpecahan atau perbalahan yang boleh menjejaskan Universiti untuk mencapai halatuju misi dan visi yang telah ditetapkan (Sabihah, 2007; Budi Anto, 2008; Cua Jasmine & Lailawaati, 2016)

Beberapa kajian lepas sebelum ini juga menjelaskan bahawa hubungan penduduk di Sabah adalah baik dan tidak pernah berlaku konflik atau pergaduhan antara kaum.

Selain itu, hasil beberapa kajian lepas tersebut juga mendapati tahap toleransi penduduk di Sabah adalah tinggi dan prejudis perkauman adalah rendah (Sabihah, 2007; Budi Anto, 2008; Chua, Jasmine & Lailawati, 2016). Selain itu, hubungan kaum di Sabah yang baik juga diterjemahkan dalam pelbagai bentuk hubungan termasuk hubungan kekeluargaan melalui ritual budaya masyarakat pribumi yang dikenali sebagai mikorot. Amalan mikorot ialah ritual minum darah untuk menjalinkan hubungan kekeluargaan seperti adik-beradik dengan individu lain tanpa melibatkan perkahwinan.

Dalam konteks lain pula, hubungan masyarakat di Sabah juga dikatakan baik dengan melihat amalan kahwin campur yang tinggi. Amalan kahwin campur ini akan mewujudkan generasi masyarakat yang lebih terbuka, selain merupakan petanda keadaan masyarakat yang harmoni atau masyarakat yang mempunyai toleransi yang tinggi (Suraya, Budi Anto & Khadijah, 2016; Sharifah, 2019; Budi Anto & Saidatul, 2020). Masyarakat di Sabah yang dilihat mempunyai hubungan kaum yang baik juga dikatakan

mempunyai toleransi yang tinggi dalam kehidupan beragama. Kajian lepas juga menunjukkan sikap penerimaan dan akomodatif mencatatkan responstertinggi serta kesediaan penganut pelbagai agama menangani perbezaan dan konflik secara harmonis (Suraya, Budi Anto, Nur Farhana, Siti Aidah & Halina Sendera, 2019).

Oleh itu pemerksaan dalam mengambil kira pandangan dan tindakan berdasarkan entiti kumpulan etnik yang ada di dalam sesebuah institusi atau negeri dan negara hendaknya diambil kira dan diatur rapi. Ini bagi memelihara hubungan kukuh bagi menghindari lahirnya sikap tidak puas hati kerana merasa diri, pemikiran dan tindakan mereka dipinggirkan. Memelihara sensitiviti semua kaum, agama dan bangsa dilihat dapat menghalang tembok kepentingan etnik dan kaum masing-masing dalam memperjuangkan sesuatu yang bersifat umum atau nasional.

Oleh yang demikian, dalam usaha memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat, umumnya masyarakat Sabah penyatuan lebih mudah dan menyeluruh jika masyarakatnya diikat dengan kesatuan kasih sayang. Perpaduan tanpa jurang dan diskriminasi dalam mengambil dan memberi peluang kepada semua rumpun kaum dan warga yang seharusnya terus disemai dan dihormati. Ini selaras dengan hadis Raulullah SAW.

Maksudnya:

Sesiapa tidak menyayangi tidak akan disayangi.

(HR: Bukhari No: 7376)

Seseorang yang tidak mempunyai perasaan belas kasihan terhadap sesama insan, maka dia tidak akan di kasihani oleh Allah SWT. Antara bukti asas pondasi kukuh yang paling jelas bahawa Piagam Madinah yang digubal oleh Raulullah SAW. yang mengandungi 47 pasal Baginda meletakkan unsur kesatuan, kasih sayang, kepedulian antara sesama di mana merujuk kepada keperluan perlembagaan yang yang mengamalkan kesaksamaan oleh semua penduduk Madinah ketika itu. Fasal 2 dapat diterjemahkan bahawa penekanan terhadap unsur kesatuan dan perpaduan bagi memastikan masyarakat majmuk dapat menikmati kehidupan yang harmoni dan bermutu bagi setiap warga di dalam negara. Antara kandungan yang menarik sesuai dengan tajuk penulisan ini, iaitu Fasal 47, menyebut mana-mana pihak yang berlaku zalim atau sengaja melakukan kesalahan tidak diberi sebarang keistimewaan atau perlindungan di bawah piagam Madinah. Selain itu, Fasal 25 memberi kebebasan beragama menurut anutan masing-masing tanpa ada sebarang tekanan. Enekmn paling ampuh dan lengkap untuk memacu sistem perpaduan kaum perdana dalam segala segala situasi keadilan mesti ditegakkan.

Pengajaran yang dapat diambil dari isi kandungan piagam Madinah antaranya: Setiap warga mesti menyedari bahawa bukan sahaja kita berkongsi satu bangsa, satu institusi, satu negeri, satu negara bangsa malah kita juga harus akur bahawa hanya dengan berkongsi usaha, ilmu, peluang, keamanan, dan kemakmuran untuk kemajuan dalam pelbagai bidang kehidupan. Seterusnya bagi mengelak perpecahan dan mengukuhkan sikap perpaduan dalam kemajmukan Piagam Madinah pasal 15 dan 16 turut menyenaraikan jaminan perlindungan keselamatan yang sama rata pada setiap penduduk Madinah, termasuk kaum Yahudi atau kaum lain selagi mana mereka mematuhi isi kandungan Piagam Madinah.

b) Saling Mempercayai

Hidup harmoni bersatu padu dalam kalangan warga dalam meraih kepelbagaian ragam dan cara dan budaya hidup, sesuai dengan norma-norma dan tata susila akan bertambah kukuh dan erat selama mana warga terus bergabung tenaga dan fikiran dalam bertindak. Perkara seumpama itu, boleh dicapai sekiranya yang mendasar dalam kalangan warga UMS memelihara kepercayaan serta menghormati budaya hidup masing-masing dan saling mempercayai dapat mengundang semangat kerjasama bergandeng bahu dalam merentasi segala halangan dan cabaran yang boleh mengganggu gugat perpaduan dan keharmonian warga yang selama ini terjalin indah.

Usaha sama dilakukan dalam menyalurkan kebaikan, kebajikan dan kemakmuran kepada masyarakat serta mengelak sikap diskriminasi, berat sebelah, serta bersifat khianat dalam menjalankan mandat, tugas atau amanah dalam setiap bidang profesinya. Ini sesuai dengan kata pepatah Melayu. *Elakkan Bersikap Munafik Berkata Lain Bertindak Lain*. Ini kerana sifat munafik itu sangat dibenci oleh Allah SWT. dan juga manusia seluruhnya. Meyakini bahawa setiap apa yang kita lakukan pasti ada imbalannya. Jika berbuat baik, pasti akan dibalas kebaikan (pahala/nikmat) dan bagi amalan buruk, dosa, maksiat dan kemungkaran akan mendapat balasan buruk (dosa/seksaan). firman Allah S.W.T. didalam al-Quran:

Maksudnya:

Barang siapa yang mengerjakan kebaikan walau seberat zarah sekalipun, nescaya Dia (Allah SWT.) akan pasti memberi balasan yang terbaik.

Q.S: Al-Zalzalah 99: 7

Hendaknya manusia sentiasa berlumba untuk saling berbuat kebajikan dan kebaikan kerana setiap zarah kebaikan yang dilakukan akan pasti mendapat ganjaran yang terbaik dan begitulah juga sebaliknya.

Pengukuhan Perpaduan Kaum Antara Warga

i. Pendekatan Yang Adil Dan Universal

Pendekatan Yang Adil Dan Universal, Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui motto: *Bertekad Cemerlang* dengan jolokan kata hikmah UMS Kampus Rahmah Teras Kecemerlangan Dan Keunggulan. Slogan ini, dilihat sebagai kata keramat dalam usaha memperkasa semua warga UMS melewati sempadan kaum, bangsa, agama, kepercayaan dan etnik. Mengamalkan konsep *al-Tasamuh* atau bertolak ansur dalam menyantuni ummah menerima dan mengamalkan sikap terbuka berbeza dalam kepelbagaian sebagai satu keunikan sepertimana yang dianjurkan oleh syariat Islam dalam hidup bermasyarakat (berjemaah). (Hadis Riwayat Jarir bin Abdullah, Li Al-Baniy, Al-Masdar: Sahihul Jami, No 6600). Slogan kata di atas juga selaras dengan firman Allah S.W.T. didalam al-Quran:

Maksudnya:

Tidaklah kami mengutus mu, (engkau wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam.

Q.S: al-Anbia 21: 107

Syariat Islam menegaskan perlunya berlaku adil kepada sesiapa sahaja. Menjelaskan tatacara mengadili atau menilai dalam memberi pengadilan atau ketetapan terhadap sesuatu kes atau perkara oleh pemimpin, hakim, berautoriti sama sekali tidak boleh menganiayai sesiapa sahaja. Piagam Madina umpama bandar Raya yang mempunyai jalan raya yang sangat indah dan tersusun rapi, memiliki sembot di setiap penjuru jalan yang memungkinkan pengunjung atau pengguna jalan raya dan lalulintas tidak akan sesat. Maksudnya, bila perkara itu bersangkutan paut dengan si kaya, ahli keluarga terdekat, kerabat, suku kaum, bangsa sendiri, mungkin sahaja menyebabkan kita tidak menjalankan hukum atau keputusan dengan tepat atau adil. Ini kerana dia seorang yang kaya atau berpengaruh, kerabat, sesuku dan sebangsa maka kita akan layan secara berlebihan seperti mengurangkan hukuman dari yang sepatutnya. Perkara seumpama ini amatlah bertentangan dengan landasan Piagam Madinah. Sebaliknya, hanya kerana dia miskin, kita akan melayan dan menghukum sambil lewa tau melepaskan kes berlalu begitu sahaja tanpa ada pembelaan yang sewajarnya. Didalam al-Quran ditegaskan oleh Allah SWT:

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih penting dari keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Q.S: al-Nisa 3:135

Mengambil pendekatan konsep menyempitkan jurang perbezaan dan memperluas jurang kesamaan, bersedia meneliti dan menerima per bezaan pandangan bagi tujuan penambahbaikan dalam segala aspek. Tinggalkan sifat egoistik dan syok sendiri demi kepentingan umum serta menyedari hakikat bahawa segalanya hanyalah bersifat sementara. Jawatan, pangkat dan kedudukan tidak ada yang kekal yang akan di tinggal pergi atau dia yang akan meninggalkan kita itu pasti. Oleh itu, setiap warga hendaknya sentiasa berwaspada dalam setiap tindak tanduk yang dilakukan agar sentiasa terjalin indah ikatan kasih erat hubungan perpaduan yang harmoni di kalangan sesama warga. Sentiasa memastikan agar segala gerak kerja yang dilakukan mendatangkan manfaat baik untuk diri mahupun orang lain. Saling menjaga sensitiviti masing-masing supaya di sekeliling kita tidak ada insan yang tergores hati atau terluka jauh sekali teraniaya.

ii. Menyelaraskan Mekanisme Sistem Selari Keperluan Semasa

Meletakkan neraca keadilan dan tolak ansur untuk semua. Mengutamakan kepentingan umum dari kepentingan sendiri. Mempamerkan unsur keadilan iaitu tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak menerusi jaminan pemberian hak kepada sesiapa sahaja yang berhak menerimanya menerusi terma dan prasyarat yang telah ditetapkan oleh institusi tanpa mengira latar belakang kaum, bangsa, agama, kepercayaan dan etnik ras. Dengan cara yang demikian akan lahir kepuasan hati setiap warga kerana penjelmaan sebuah sistem yang betul-betul berpaksikan keadilan dalam mengutamakan kemaslahatan warga. Ini kerana laungan kata-

kata hikmah dan keramat tidak akan bermakna jika ianya tidak direalisasikan dengan pengaplikasian mekanisme melalui pelan tindakan yang terancang dan tersusun rapi. Melakukan perubahan dan pembaharuan sistem yang difikirkan perlu mengikut kesesuaian dan keperluan kepentingan semasa. Kalau hanya sekadar pergantian pemimpin, kakitangan, staf atau laungan kata-kata hikmah tidak akan menjamin sebarang perubahan tanpa memikirkan perubahan sistem yang masih berada di takuk lama hendaknya diusahakan supaya sistem tersebut selari dengan kehendak dan keperluan semasa. Antara perubahan yang dilihat sebagai pendekatan yang berbentuk keadilan, keharmonian kepada kakitangan khususnya kepada para pensyarah. Kita lihat Sebelum ini, kehadiran bagi pensyarah, iaitu hadir ke pejabat atau *thumbprint in* pada jam 8 am dan balik atau *thumbprint out* pada jam 4 pm atau hadir *thumbprint in pada jam 9 am* dan balik atau *thumbprint out* pada jam 5 pm seperti mana halnya dengan staf lain. Kini kehadiran tersebut berubah, iaitu mesti hadir ke pejabat atau *thumbprint in* sebelum jam 12 pm tanpa perlu *thumbprint out*. Berhubung dengan perkara tersebut di atas, Pihak warga merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas kebijaksanaan dan tindakan yang dilakukan oleh pihak Universiti Malaysia Sabah dengan mengambil kira, komitmen pensyarah yang bekerja tanpa mengharapakan upah kerja lebih masa atau *over time*. Dengan sebab itu, perubahan ini, dilihat sebagai suatu pembaharuan sistem yang menepati keperluan semasa dan keadilan. Ia terpaai tanpa mengira latar belakang pensyarah, senioriti, sambilan mahupun tetap. Perkara seumpama ini juga telah pun diadakan oleh Universiti tempatan lain seperti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia UTHM.

Diharap pada masa akan datang banyak lagi perubahan-perubahan sistem yang akan berlaku seperti perubahan kenaikan pangkat, pengesahan jawatan, penilaian mata jam latihan contohnya kumulatif pada satu jumlah yang tertentu misalnya dikumulatitkan 50 jam latihan untuk setahun. Setiap staf UMS, mesti memenuhinya. Boleh lebih tetapi tidak boleh kurang dari jumlah jam tersebut. Ertinya tidak lagi mengelaskan seperti yang sedia ada iaitu teras, umum dan elektif. Kalau ditinjau dari sudut penambahbaikan sistem kumulatif seperti telah lama di amalkan oleh Universiti lain contohnya Universiti Teknologi Mara, (UiTM). Sistem kumulatif ini dilihat sebagai satu kemudahan kepada para staf dengan mengambil kira kekangan masa yang ada.

Pertembungan masa. Kursus-kursus yang dianjurkan sering berlaku pertembungan masa dengan tugas hakiki seperti kursus-kursus yang diadakan bertembung dengan jadual kuliah, tutorial, ujian bulanan, arahan tugas semasa baik dari program mahupun fakulti, kajian padang atau lapangan dan seumpamanya. Dengan sebab itu, sistem penilaian jam latihan (mata IDP) hendaknya dinilai semula. Ini selaras dengan anjuran agama Islam iaitu: *Yassir wala tuassir*, ertinya per mudahkan lah dan jangan menyusahkan, Barang siapa memudahkan urusan saudaranya ia akan dipermudahkan segala urusannya di hari akhirat kelak iaitu pada hari pembalasan. Ini dijelaskan oleh nas daripada al-Quran dan Hadis Raulullah SAW.:

a) Firman Allah SWT, maksudnya:

Allah SWT mahu memberikan kemudahan kepada kalian, dan Dia tidak mahu memberikan kesusahan kepada kalian.

Q.S: al-Baqarah 2: 185

Ini menunjukkan bahawa Allah SWT. sangat menghendaki kemudahan kepada hambanya dan tidak menghendaki kesusahan dalam segala apa jua urusan.

b) Baginda SAW telah bersabda maksudnya:

Barang siapa yang melepaskan seorang mukmin daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan dunia, nescaya Allah akan melepaskannya daripada satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahan Kiamat.

Barang siapa yang mempermudah kan bagi orang susah, nescaya Allah akan mempermudah kan baginya di dunia dan di akhirat. Barang siapa yang menutup keaiban seorang Muslim, nescaya Allah akan menutup keaibannya di dunia dan akhirat. Allah sentiasa bersedia menolong hambanya selagi mana dia suka menolong saudaranya.

HR: Muslim: 2699

Keumuman ayat di atas menggambarkan bahawa Allah SWT. dan Rasulnya telah memperingatkan kepada seluruh manusia, *man* ertinya sesiapa sahaja, menganjurkan kebaikan dan mempermudah kan urusan orang lain (kepada sesiapa sahaja) ganjaran pahala pasti akan diberi sama ada di dunia mahupun di akhirat kelak.

Seterusnya, perumpamaan gadget, *hand phone*. Lahir pelbagai versi, jenama dan kelajuan. Ia selari dengan peredaran zaman. Menggunakan jenama mengikut kesesuaian cita rasa masing-masing namun hakikatnya berfungsi utamanya ialah sebagai alat hubung, kuncinya: menyampaikan mesej. Mesej pula dikirim tepat pada waktunya, penerima berkemampuan membaca dan mengolahnya, setelah itu, mesej tersebut difahami kemudian dilakukan tindakan. Dengan sebab itu, pentingnya memberi arahan dengan menggunakan pelbagai pendekatan, kebijaksanaan berfikir dan bertindak mengikut kesesuaian masa, kepada siapa dan di mana. Begitu juga kepada yang menerima arahan hendaknya berusaha melakukan tugas dan kewajipan yang diamanahkan ke atasnya. Insya-Allah akan wujud keharmonian antara pemimpin dan yang dipimpin melalui pendekatan mengambil kira kebajikan dua hala iaitu pihak yang memberi dan yang menerima amanah. Firman Allah SWT. di dalam al-Quran

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah SWT menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji dan kemungkar dan juga permusuhan. Dia memberi pengajaran kepada mu agar kamu dapat mengambil pelajaran.

Q.S: Al-Nah lu 16: 90

Perlunya berlaku adil dalam semua perkara. Pertengahan dan seimbang. Menempatkan sesuatu pada tempatnya dan memberikan hak kepada masing-masing yang mempunyai hak. Adil terhadap hak Allah SWT., adil terhadap hak sesama dan juga adil kepada seluruh makhluk alam. Mengaplikasikannya dengan jalan menunaikan segala hak dan kewajipan secara sempurna baik kita sebagai pemimpin, yang dipimpin.

Kesedaran ini lahir dari sikap mensyukuri segala nikmat Allah SWT. yang tak terhitung nilainya. Nikmat hidup, diri dan seluruh aksesori dipasang secara percuma baik berupa tangan kita, telinga, mata kaki begitu juga terhadap nikmat-nikmat lainnya seperti: udara, air, bumi sebagainya. Malangnya, kesemua nikmat tersebut hanya akan dapat dinilai dan

dirasakan sebagai sebuah nikmat oleh hati nurani (rohani) yang memiliki keimanan dan ketakwaan yang mendalam. Sabda Raulullah SAW maksudnya:

Sesungguhnya setiap amal itu tergantung dari niatnya (tujuan utama dalam hati).

HR: Sahih Bukhari: 2953

Andai seseorang melakukan sesuatu perkara kerana ingin mendapat balasan, pujian dan sanjungan daripada manusia selalunya akan kecewa. Boleh jadi akan mendapat balasan, tetapi menurut anggaran asal, tidak setimpal dengan pemberiannya atau mungkin pembalasan tadi nilainya hanya lebih sedikit atau tidak ada langsung yang lebih parah lagi bila perbuatan itu, hanya mendapat cemuhan. Kesimpulannya, sesiapa sahaja berbuat kerana manusia pastinya akan kecewa tetapi sesiapa sahaja yang berbuat sesuatu kerana Allah SWT. pasti akan beruntung. Ini kerana ganjarannya sudah pasti. Paling kurang satu kebaikan yang kita telah lakukan akan dibalas sepuluh kali ganda di sisi ayat lain menggambarkan bahawa Allah SWT. berkuasa memberikan ganjaran dengan tidak ada hadnya. Firman Allah SWT

Maksudnya:

Barangsiapa membawa amal yang baik, maka baginya (pahala) sepuluh kali lipat amalnya; dan barangsiapa yang membawa perbuatan jahat maka dia tidak diberi pembalasan melainkan seimbang dengan kejahatannya, sedang mereka sedikitpun tidak dianiaya (dirugikan).

Q.S: Al-An 'am 6: 160

Ikhlas dalam melakukan segala sesuatu serta bersifat ihsan. Elakkan dari sifat riak, ujub kerana ia akan merugikan diri sendiri. Rugi dunia kerana telah berkorban dengan harta benda, tenaga, fikiran dan sebagainya. Manakala di akhirat tidak mendapat apa-apa balasan atau sebarang ganjaran pahala.

iii. Al-Amr bi al-Makruf dan al-Nahi an al-Mungkar

Dalam Islam, anjuran bekerjasama dalam kebaikan tanpa mengira latar belakang bangsa, agama dan kepercayaan. Perpaduan dalam menegakkan kebenaran dan kebaikan merupakan amal soleh. Saling bekerjasama dalam mencegah segala kerosakan, perbuatan keji dan kemungkaran. Gagal dalam amar makruf nahi mungkar boleh mengundang kemurkaan Allah SWT. Firman Allah SWT,

Maksudnya:

Dan tolong-menolong lah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwa lah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya.

Q.S: Al-maidah 5: 2

Oleh Itu, sesiapa sahaja yang berbuat baik sama ada dari golongan lelaki atau wanita pasti akan mendapat ganjaran pahala (balasan baik). Saling menegakkan kebaikan serta sling mencegah perkara keburukan, permusuhan dan seumpamanya. Firman Allah SWT. bermaksud: *orang mukmin lelaki dan mukmin perempuan, adalah penolong satu dengan lainnya, dan amar makruf (tolong menolong dalam kebaikan dan nahi mungkar (saling mencegah dalam kemungkaran).* (QS: al-Taubah 9: 7). Kebatilan, maksiat, kerosakan atau

kemungkaran berlaku dan bermaharajalela bukan kerana buruknya perangai semua manusia atau warga yang ada di kawasan tersebut. Ini adalah kerana diamnya orang yang ahli kebaikan. Ini sesuai dengan ungkapan ulama:

Maksudnya:

Orang yang diam daripada kebenaran adalah syaitan bisu dan orang yang bercakap berkaitan perkara batil adalah syaitan yang bercakap

Kata-kata hikmah ulama

Mereka hanya mampu melihat tanpa ada usaha untuk membaiki, menghalang kerosakan tersebut. Dengan sebab itu, pertama kerosakan akan terus berlaku dan akan merebak. Kedua, Pelaku maksiat dan kemungkaran tadi menyangka bahawa apa yang dilakukannya itu tidaklah menjadi masalah kepada sesiapa. Ketiga, menyangka bahawa yang memberi nasihat, atau teguran hanyalah dipusatkan kepada yang berautoriti, ada kuasa, kedudukan dan pangkat. Sedangkan tugas mencegah maksiat dan kemungkaran itu adalah tanggungjawab bersama. Seterusnya fungsi kepimpinan manusia sebagai khalifah Allah SWT. di atas muka bumi ini telah diabaikan. Mari kita telusur secara ringkas mengenai:

a. Al-Amr bi al-Makruf

Syariat Islam amat mengambil berat perkara amar makruf iaitu, saling menyeru kepada kebaikan agar setiap manusia mengutamakan dan mengamalkan sikap jujur, benar, amanah serta ikhlas dalam setiap tindakan. Sesungguhnya kejujuran melahirkan keberkatan dalam hidup pelakunya, sedangkan kebohongan hanyalah keselamatan sementara dan akan menghancurkan nilai dan keberkatan selamanya. Ini kerana kebohongan yang kita lakukan itu, hakikatnya hanyalah membohongi diri kita sendiri namun terlihat pada zahirnya kita benar dan bukannya membohongi orang lain. Impaknya sangat buruk pada diri dan orang lain.

Allah SWT. dan Rasulnya secara jelas mencela bagi manusia yang suka berbohong. Ini seperti mana digambarkan di dalam al-Quran dan al-Hadis. Digambarkan di dalam Al-Quran bahawa orang yang suka berbohong adalah termasuk perbuatan orang yang tidak beriman. Raulullah SAW. telah menegaskan haram nya perbuatan dusta atau kebohongan dan menjadi salah satu sifat orang munafik. Firman Allah SWT.

Maksudnya:

Sesungguhnya yang mengada-adakan kebohongan, hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itulah orang-orang pendusta.

Q.S: Al-Nahl 16:105

Sikap berbohong atau dusta adalah sifat buruk yang sangat dibenci dan dikutuk oleh Allah SWT. Ini kerana kebohongan merupakan induk segala kejahatan yang bukan sahaja merugikan diri sendiri tetapi juga kepada orang lain. Terdapat tiga ciri-ciri utama golongan munafik iaitu: Hadis Raulullah SAW. Maksudnya:

Tanda orang munafik tiga; apabila berkata ia berbohong, apabila berjanji ia mengingkari, dan bila dipercayai ia khianati.

Al-Mufasir, al-Qurtubiy: Tafsir al-Qurtubiy 10/312

Oleh yang demikian memenuhi janji adalah amanah dan tanggungjawab yang akan dipersoalkan di akhirat kelak: firman Allah SWT. Maksudnya:

Dan penuhilah janji, sesungguhnya janji itu pasti diminta pertanggungjawabannya.

Q.S: Al-Israk'17: 34

Memberi khabar akan seksaan kepada sesiapa sahaja yang tidak menjalankan amanah dan kejujuran dalam berurusan. Contoh bila ia berjanji, ia akan memungkirinya tanpa ada permohonan maaf sebelum hari atau saat kejadian. Sedangkan saat dia membuat janji tersebut telah mengetahui bahawa dia tidak akan dapat memenuhi janjinya itu. Golongan seperti ini digelar sebagai ciri-ciri orang munafik. Seterusnya bila dia diamanahkan sesuatu perkara dan mengiakkannya, kemudian ia mengkhianatinya tanpa ada perasaan bersalah. Selain itu, bila ia bercakap selalunya tidak sama di hati dan kejadian. Ini juga termasuk ke dalam ciri-ciri orang munafik yang akan mendapat balasan dosa. Ini kerana perkara jujur, ikhlas dan amanah adalah perintah dari Allah S.W.T. dan Rasulnya. Oleh yang demikian, melaksanakannya merupakan ketaatan kerana menjaga hubungan dengan hak Allah SWT., Rasulnya dan juga menjaga hubungan sesama manusia. Firman Allah S.W.T,

Maksudnya:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu golongan yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

Q.S: Al-Imran 3: 104

Maksud ayat, tidaklah wajar apabila maksiat dan kemungkaran berleluasa di suatu kawasan sementara orang-orang Islam yang ada dilam situasi tersebut masing-masing mendiamkan diri.

b. Al-Nahi an al-Mungkar

Perkataan Nahi, bermaksud: menahan, larangan atau saling mencegah dalam melakukan perbuatan dosa dan maksiat, manakala mungkar pula terbahagi kepada dua iaitu: maksiat dan *fahishah* (keji). Maksiat pula termasuklah khianat, dusta, judi, rasuah, tipu daya, peras ugut dan lain-lain lagi. Seterusnya *fahishah* termasuk perbuatan jijik, zina, selingkuh, curang, sumbang mahram dan sebagainya. Islam amat menitik beratkan perkara Al-Nahi an al-Mungkar. Manusia yang tampil memberikan peringatan atau nasihat agama sebagai petunjuk kebenaran mengajak manusia menghindari segala perbuatan yang mungkar yang ditegah oleh agama merupakan antara manusia yang diberi jolokan terbaik. Firman Allah SWT:

Maksudnya:

Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.

Q.S: al-Imran 3: 110.

Oleh itu, segala apa yang berlaku di dalam negara, negeri atau institusi di mana kita berada hendaknya sama-sama menegakkan amar makruf nahi mungkar tanpa melihat siapa yang melakukan kesilapan, kemungkaran atau kerosakan tersebut. Ini kerana anjuran agama adalah umum iaitu man artisnya siapa sahaja yang melihat, menyaksikan atau mengetahui hendaknya mengambil tindakan mengikut kemampuan masing-masing. Ini digambarkan di dalam hadis Raulullah S.A.W.

Maksudnya (1):

Barang siapa melihat kemungkaran maka cegah lah dengan tangannya, jika tidak sanggup, maka dengan lisan nya, jika tidak sanggup maka dengan hatinya. Dan itu adalah selemah-lemahnya iman

HR: Sahih Muslim: No 49

Maksudnya (2):

Tidaklah kemaksiatan yang dilakukan oleh sesuatu kaum, kemudian mereka (sebahagian daripada mereka) mampu untuk mengubahnya tetapi mereka tidak berbuat sedemikian, melainkan Allah SWT akan timpakan keseluruhan kaum tersebut dengan azab.

HR: Abu Daud: No 4338

Syariat Allah S.W.T. sentiasa menyebarkan sikap saling menghormati bagi menjamin hak asasi setiap insan tanpa mengira kaum agama bangsa dan latar belakang kepercayaan. Tidak berlaku sebarang penafian hak berdasarkan etnik, kabilah, puak, suku kaum, bangsa atau darjat keturunan. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2005: 37) Fitrah manusia dijadikan Allah dalam bentuk, kelompok dan budaya serta adat resam yang berbeza-beza disebabkan oleh faktor lingkungan: Perbezaan adat resam budaya, latar belakang pendidikan keluarga, yang melahirkan kepelbagaian ragam persepsi, pendapat, budaya, tingkah laku, cara beradaptasi dan sebagainya yang harus diterima oleh setiap individu. Perbezaan tersebut sebagai lumrah alam yang sepatutnya dianggap sebagai satu kekayaan khazanah bangsa dalam mengembangkan adat budaya ke arah membangun peradaban ummah seperti yang ditegakkan semasa pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W. ketikan di Madinah. Memupuk sikap saling menghormati dan saling menghargai serta saling tolong-menolong dan saling menyayangi. Firman Allah S.W.T.:

Maksudnya:

Dan tolong-menolong lah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwa lah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya.

Q.S: Al-maidah 5: 2

Oleh Itu, sesiapa sahaja yang berbuat baik sama ada dari golongan lelaki atau wanita pasti akan mendapat ganjaran pahala (balasan baik). Saling menegakkan kebaikan serta sling mencegah perkara keburukan, permusuhan dan seumpamanya. Firman Allah SWT. bermaksud:

orang mukmin lelaki dan mukmin perempuan, adalah penolong satu dengan lainnya. (tolong menolong dalam kebaikan dan nahi mungkar (saling mencegah dalam kemungkaran).

(QS: al-Taubah 9: 7)

Kesimpulan

Model perpaduan yang diamalkan oleh etnik masyarakat Sabah dilihat dalam konsep kesepaduan sosial yang baik iaitu di terjemah dalam takrifan amalan seharian. Paradigm positif dikedepankan dalam memberi pandangan yang lebih wajar untuk mentafsir dan menganalisis serta memahami hubungan antara etnik dan budaya serta agama. Pemahaman yang matang terhadap situasi seperti ini lebih dominan dalam kehidupan seharian dalam kalangan masyarakat awam Sabah khususnya di UMS. Walau bagaimanapun masih terdapat kelompangan yang harus dibaiki pulih dari semasa ke semasa terutama mengambil kira pendekatan agama iaitu nilai akhlak dalam merealisasikan keharmonian terutama di kalangan masyarakat yang beragama Islam dalam menanggapi erti menerima kepelbagaian masyarakat. Iaitu pemeraksanaan ibadah melalui nilai amalan dan budaya hendaknya dilihat sebagai tanggungjawab bersama dalam memahami citra kepelbagaian etnik.

Untuk mengukuhkan lagi kesepaduan, kembali kepada asal usul penciptaan nenek moyang kita iaitu Adam dan Hawa. Asalnya kita saling bersaudara, bersempu, saling ada pertalian darah dari satu nenek moyang. Sudah semestinya wujud persefahaman dalam konteks menjaga hubungan sesama manusiawi. Adapun kita berlainan agama, suku, ras, etnik dan bangsa disebabkan faktor dan iklim atau lingkungan yang kita tempat bernaung dan beradaptasi. Pembentukan adat kebiasaan, faktor tempat, iklim serta budaya yang kita lalui membentuk jati diri. Kita juga saling berkembang biak yang membawa kepada lahirnya suatu suku kaum yang berlainan. Perbezaan anutan agama dan kepercayaan, berlainan adat kebiasaan dan seumpamanya seharusnya kita jadikan itu semua sebagai satu medium keunikan dalam beradaptasi menjalani kehidupan harmoni. Firman Allah SWT. Bermaksud: *wahai sekalian manusia! bertakwa lah kepada tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwa lah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namanya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.* (Q.S. Al-Nisaa' 4: 1)

Melalui perbezaan dan kepelbagaian amalan hidup, pendapat, budaya, agama, dan etnik ini melambangkan keagungan Allah swt. yang berkuasa mencipta segala jenis manusia, sikap dan adab yang harus disyukuri dan dimanfaatkan dengan sebaiknya dalam memakmurkan alam. Menjaga kelestarian bersama sebagai keperluan hidup. Firman Allah SWT. bermaksud: *Dan di antara tanda-tanda ang membuktikan kekuasaannya dan kebijaksanaannya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.* (QS: Al-Rum 30: 22).

Rujukan

- Al-Qur'ān Al-Karīm, Mushaf Malaysia Dan Terjemahan. 2011, Cetakan Keenam, Selangor: Yayasan Restu
- Abdul Latif Samian, 1999. Ethical Perennialism As The Moral Foundation For Malaysian Society. Paper Presented At *The Sixth National Conference Of The Australian Association For Professional And The Applied Ethics*, Old Parliament House Canberra, Australia. 6-8 April.
- Ahmad Hasan Al-Bāqūrī (1986), *Ma'Āni Al-Qur'ān Bayn Al-Riwāyah Wa Al-Dirāyah*. Kaherah: Markaz Al-'Ahrām Li Al-Tarjamah Wa Al-Nashr, H.25.

- Ahmad Ibn Hambal, T.T. Musnad, Jld. 5. Bairut: Al-Maktabah Al-Islami.
- Aizat Bin Khairi, 2011, Konsep 1 Malaysia Dan Cabaran Pelaksanaannya Ke Arah Pemantapan Perpaduan Sebuah Negara-Bangsa, *Sosiohumanika: Jurnal Pendidikan Sains Sosial Kemanusiaan*, 4 (1):129-140
- Azarudin Awing & Khadinya Mohd Khambali@ Hambali, 2012, Dialong Agama Lwn Dialong Kehidupan: Membina Kefahaman Kehidupan Masyarakat Yang Berbeza Kepercayaan: *Jurnal Peradaban*, 5, 1-22
- Anon. 2008. Jangan Sentuh Kontrak Sosial. *Berita Harian*. 17 October.
- Azyumardi Azra, *Menuju Masyarakat Madani, Gagasan, Fakta, Dan Tantangan*, Bandung: Pt. Remaja Rosdakarya, 1999, H.3
- Fikry Hakim Fadzillah 2015, Konsep Pengurusan Konflik Menurut Perspektif Barat Dan Islam: Suatu Perbandingan. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Kea Rah Pemantapan Ummah, Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam University Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2005. *Islam Hadhari: Satu Penjelasan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Khairul Azmi Mohamad. 2003. Kepelbagaian Kaum Dalam Islam: Hakikat Dan Tuntutan. Paper Presented at Seminar Hak Dan Tanggungjawab Pelbagai Kaum Dalam Sebuah Negara Islam, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur. 7-8 May.
- M.Quraisy Syihab, *Wawasan Al-Quran, Tafsir Maudhu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat*, (Bandung: Pt. Mizan Pustaka, 2007), Cet Xviii, H. 319-320
- Mat Saad Abd. Rahman, 1999. Kedudukan Bukan Islam Dalam Sejarah Pemerintahan Islam. In *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*, Ed. Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Muhammad Syams Al-Haq Al-Azim Abadi. 1990. 'Aun Al-Ma'bud. Kitab Adab. Jil 14, Juz 14. Beirut: Dar Al-Kutub Ilmiyyah.
- Nur Farah Abdullah Rahman & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, 2013, Religious Tolerance in Malaysia: Problems and Challenges. *International Journal Islamic Thought*, 3, 81-91.
- Shamsul A.B. 2001. A History of an Identity and an Identity of a History: The Idea and Practice of 'Malayness' in Malaysia Reconsidered. *Journal of Southeast Asian Studies* 32(2): 355-366.
- Shamsul A.B. 2003. Southeast Asia as a Form of Knowledge: Locating Ethnicity in Southeast Asian Studies. *Southeast Asian Studies E-Bulletin*, April/May <http://www.seasrepfoundation.org/ebulletin/040503.html> accessed 20 August 2011.
- Siti Aida Hj Lokin, 2004, Sejarah Sosioekonomi Dan Kebudayaan Suku Kaum Bisaya Sabah. Dlm Mohd Sarim Hj. Mustajab (Pnyt). *Warisan Budaya Sabah. Etnisiti Dan Masyarakat*, Hlm 91-103, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Syariah Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Wahbah Al-Zuhaysli (1998), *Al-Qur'an Al-Karim Bunyātuhu Al-Tashrī'yyāh Wa Khasāisuh Al-Hadariyyah*. Beirut: Dār Al-Fikr Al-Mu,,Āsir, H. 9.
- Wan Hirni Marlina Wan Mahmood. 2007. *Hak Istimewa Orang Melayu Dalam*
- Yusuf Al-Qaradawi. 1989. *Kedudukan Non-Muslim Dalam Negara Islam*. Trans. Mat Saad Abd. Rahman. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- (Online), ([Http://Www.Thefreedictionary.Com/Constitution](http://Www.Thefreedictionary.Com/Constitution), Diakses Tanggal 07 Januari 2010 No Related Posts. Soerjono, Soekanto, *Sosiologi, Suatu Pengantar*, Jakarta: Pt. Raja Grafindo Persada, 2002), H. 166.

- (Online), (<http://www.thefreedictionary.com/constitution>, Diakses Tanggal 07 Januari 2010 No Related Posts.
- Perlembagaan Persekutuan: Satu Kajian Mengikut Perspektif Islam*. Master's Diss., Jabatan Permalink: <https://www.state.gov/reports/2018-report-on-international-religious-freedom/malaysia/> 21 Jun 2019
- Elviandri. Hak Asasi Manusia Dalam Perspektif Islam; Kajian Konsep Dan Historis. <http://www.hukumonline.com>.
- Hamka (Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah) (1985f). Tafsir al-Azhar Juz' 28-29-30. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- John T. Omohundro (2008). *Thinking like an Anthropologist: A practical introduction to Cultural Anthropology*. McGraw Hill. ISBN Margaret L Andersen, Howard Francis Taylor (2006). *Sociology: Understanding a Diverse Society*. Wadsworth. ISBN 0-534-61716-6
- (Online), (<http://www.thefreedictionary.com/constitution>, diakses tanggal 07 Januari 2010 No related posts.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2008). Pengaruh Agama dalam Interaksi dan Toleransi Etnik: Kajian Kes ke atas Pelajar Bumiputera Sabah di Universiti Malaysia Sabah. Tesis Sarjana. Kota Kinabalu. Univertisi Malaysia Sabah. Tidak Diterbitkan.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2018). Mikorot Dalam Konteks Kebudayaan Etnik Dusun Di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hubungan Etnik. MANU, 27, 93-120.
- Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). Amalan Kahwin Campur dalam kalangan Masyarakat Di Kota Kinabalu, Sabah. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(9), 149-162.
- Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2020). Hubungan Kaum di Sabah: Suatu Pemerhatian Awal. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(10), 95-104.
- Buku Tahunan Perangkaan Sabah (2014). Komposisi Etnik Mengikut Daerah di Sabah. Atas Talian http://www.malaysiaeconomy.net/download/18072016_1.pdf. Diakses pada 12/10/2020. Chua, B. S., Jasmine Adela Mutang & Lailawati Madlan. (2016). Persepsi Kumpulan Multietnik di Sabah terhadap Etnik Diri dan Etnik Lain. Jurnal MANU, 24, 111-145. Clarence GD. (2019).
- KRT penting pupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat. Harian Ekspres 21 Julai 2019. Atas Talian <http://www.dailyexpress.com.my/news/138168/krt-penting-pupuk-perpaduan-dalam-kalangan-masyarakat/>. Diakses pada 14/10/2020.